



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan penuntut tahun akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

*[Arabic vocabulary size among Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
(KUIS) final year students]*

Abdul Razif Zaini *, Yaakob Hasan, & Muhammad Harun Husaini

Department of Arabic Language and Linguistic, Faculty of Islamic Studies and Civilization, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Abdul Razif Zaini. Faculty of Islamic Studies and Civilization, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. e-Mail: abdulrazif@kuis.edu.my. Telp.: (+60) 012-310 6096.

Keywords:

*Vocabulary, Vocabulary
Size, Receptive Vocabulary,
Language Learning,
Language Mastery.*

ABSTRACT

Vocabulary is an essential part in language learning. It is also central to language teaching and is of paramount importance to a language learner. Vocabulary acquisition involves two aspects, quantity and quality. In the context of learning Arabic as a second language, the quantity of words is very important. A large amount of vocabulary acquired will help learners in their career. Thus, this study aims to examine the vocabulary size among the final year students of Arabic Language Studies. A set of questionnaires and Arabic Vocabulary Level Test (aVLT) adapted from Vocabulary Level Test (Nation, 1998, 2001) were administered to identify the receptive vocabulary size of the respondents. The respondents of the study consisted of 31 undergraduate students from Selangor International Islamic University College (KUIS), Malaysia. The findings of the study show that on average each respondent has acquired about 2223 high-frequency words. Previous studies showed that knowing as few as 2000 high frequency words could lead learners to achieve a minimum language proficiency requirement. This study suggests that vocabulary development should be done explicitly and continuously during the early stage of study until the tertiary level.

Kata Kunci:

Kosa Kata, Saiz Kosa Kata,
Kosa Kata Reseptif,
Pembelajaran Bahasa,
Penguasaan Bahasa.

ABSTRAK

Perkataan merupakan unit asas penting dalam pembelajaran bahasa. Perkataan juga merupakan intipati pembelajaran bahasa dan perlu dikuasai oleh pelajar. Penguasaan kata boleh dinilai dari dua aspek iaitu kuantiti dan kualiti. Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa kedua, kuantiti perkataan yang dikuasai pelajar adalah sangat penting demi kelangsungan. Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada aspek yang berkaitan dengan kuantiti, iaitu saiz kosa kata. Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengukur saiz kosa kata reseptif pelajar tahun akhir bagi jurusan Sarjana Muda Bahasa Arab. Satu set soal selidik dan *Arabic Vocabulary Level Test-aVLT* yang diadaptasi dari *Vocabulary Level Test* ditadbir bagi mengenal pasti saiz kosa kata reseptif responden. Responden kajian terdiri daripada 31 orang pelajar sarjana muda tahun akhir bagi jurusan Bahasa Arab daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara purata setiap responden memiliki sekitar 2223 patah

perkataan yang berfrekuensi tinggi. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan sekurang-kurangnya 2000 perkataan yang berfrekuensi tinggi mampu meletakkan pelajar ke tahap minimum penguasaan bahasa. Kajian ini mencadangkan agar pembangunan kata pelajar dibangunkan secara eksplisit dan berterusan bermula di peringkat rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Received: November 24, 2020

Accepted: April 12, 2021

Online Published: June 17, 2021

1. Pendahuluan

Kata adalah gabungan atau kesatuan bunyi dalam sesuatu bahasa yang disebutkan atau dituliskan dengan menggunakan huruf-huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud (Baharom et al, 2015: 684). Dalam bahasa Arab kata dirujuk sebagai kalimat. Kalimat ditakrifkan sebagai lafaz yang dibentuk daripada satu atau beberapa huruf yang mempunyai makna. Dari sudut linguistik, kata ditakrifkan sebagai satu unit bahasa yang kecil dan boleh membentuk ujaran. “Kata adalah unit leksikal terkecil yang mampu membentuk ayat secara tunggal” (Baalbaki, 1990: 537). Kata merupakan “elemen terkecil dalam sebuah bahasa yang diucapkan atau tertulis dan realisasi kesatuan perasaan dan fikiran yang dapat digunakan dalam bahasa”. Ia terdiri dari kata nama, kata kerja dan partikel (Norul ‘Azmi, 2017). Kata dimulai dan diakhiri oleh sempadan perkataan. Sempadan perkataan ini bersifat abstrak, wujud dalam fikiran dan tidak ditandai apabila kita menggunakan perkataan, baik dalam tulisan ataupun pertuturan (Karim, Mohd Onn, Musa & Mahmood, 1996).

Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengukur saiz kosa kata reseptif pelajar tahun akhir jurusan bahasa Arab. Pengukuran ini dibuat bagi tujuan mengenal pasti penguasaan kata responden bagi meramal kesiediaan mereka melangkah ke alam kerjaya usai graduasi. Kajian juga dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor latar belakang pendidikan yang mempunyai hubungan dengan saiz kosa kata reseptif responden yang terlibat.

2. Permasalahan Kajian

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sering berhadapan dengan isu penguasaan. Penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab dilaporkan pada tahap yang kurang memuaskan di semua peringkat pengajian (Hawatemeh, 1999; Mat Taib Pa, 2009; Tamuri, Mohd Rahimi, Mohd Aderi, Zulkifli, & Khufafah, 2010). Hal ini berlaku disebabkan pembelajarannya berbentuk pengetahuan dan tidak dilihat sebagai aspek kemahiran untuk menyampaikan idea dan maklumat (Deraman, 2006). Banyak faktor turut dilapor memberi kesan kepada permasalahan ini, antaranya kelemahan tatabahasa (Che Mat & Soon, 2010; Mohamed, Muhammad, & Jasmi, 2012), kelemahan menulis (Awang, Che Hat & Mohamad Rouyan, 2014), kelemahan membina struktur ayat (Yaakub, Che Mat & Pa, 2012), kelemahan bertutur (Daud & Abdul Pisal, 2014) dan beberapa masalah lain.

Permasalahan tersebut banyak didorong oleh kekurangan kosa kata. Kelemahan pelajar menguasai kosa kata berlaku dalam bentuk pemilihan kata kurang tepat, salah penggunaan, penguasaan aspek morfologi yang lemah dan sebagainya (Yaakub, Che Mat & Pa, 2012). Kekurangan kata menghalang penguasaan kemahiran bahasa (Gan, 2012; Old, 2009) sekaligus merencat usaha menguasai bahasa secara keseluruhannya. Penguasaan kata perlu mengambil kira makna dan fungsi agar penggunaannya dapat dibuat dengan tepat (Nor Azhan, 2017). Selain isu penggunaan kata, isu yang dilihat lebih asas dalam permasalahan ini adalah aspek kuantiti. Kekurangan kosa kata yang menjadi permasalahan pokok dalam penguasaan pelajar dilaporkan oleh beberapa kajian (Daud & Abdul Pisal, 2014) mempunyai keutamaan untuk dizahirkan dalam bentuk angka. Sehingga kajian ini dijalankan, tidak banyak kajian dijalankan khususnya dalam konteks pengukuran jumlah perkataan yang dikuasai pelajar yang berhadapan masalah penguasaan. Faktor kesukaran mengukur dan faktor ketepatan berkemungkinan menjadi hambatan kajian-kajian terdahulu (Zaini, 2015).

Penguasaan kata amat penting khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab bagi bukan penutur jati dan pembelajarannya sebagai bahasa kedua. Jumlah kata yang mencukupi membantu meningkatkan tahap kefahaman seseorang terhadap teks dibaca dan situasi lisan yang dilalui. Jumlah kata yang dikuasai oleh penutur juga merupakan penanda aras yang boleh dijadikan sandaran dalam menentukan permasalahan kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar tanpa prejudis (Nasirat, 2006; Samah, 2013). Pengukuran kata yang dikuasai oleh seseorang individu sering berhadapan dengan isu ketepatan, namun usaha ini perlu terus

ditambahbaik. Walaupun agak mustahil untuk menentukan leksikon seseorang individu, penentuan secara anggaran juga memadai untuk menilai penguasaan dan pengembangan saiz kata penuntut bahasa Arab khususnya dalam bukan penutur jati (Read, 2000).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan untuk mengukur saiz kosa kata bahasa Arab pelajar sebagai agen peramal kepada tahap kecekapan bahasa mereka. Populasi kajian terdiri daripada 31 orang pelajar tahun akhir daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Responden terdiri dalam kalangan pelajar tahun akhir jurusan Bahasa Arab Terjemahan di peringkat ijazah sarjana muda. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Dua instrumen digunakan dalam kajian ini. Satu set soal selidik dan ujian pengukuran saiz kosa kata bahasa Arab - aVLT (berdasarkan format Vocabulary Level Test - VLT) adalah instrumen yang digunakan untuk tujuan dinyatakan. Set soal selidik yang digunakan mengandungi beberapa soalan berkaitan maklumat demografi responden khususnya latar belakang pendidikan terdahulu. Manakala ujian saiz kosa kata bahasa Arab (aVLT) dibentuk dan diadaptasi dari format *Vocabulary Level Test* (VLT) oleh Nation (1983, 1990).

Ujian Penentuan saiz kosa kata bahasa Arab (Arabic Vocabulary Level Test -aVLT) ini berbentuk padanan definisi perkataan. Responden dikehendaki memadankan perkataan yang disenaraikan dengan item yang didatangkan dalam bentuk definisi perkataan. aVLT dalam kajian ini menguji tiga tahap kata iaitu saiz 1k (mengandungi 1000 kata), saiz 2k (mengandungi 1000 kata yang kedua) dan saiz 3k (mengandungi 1000 kata yang kedua). Setiap tahap mengandungi 18 soalan dengan 36 pilihan jawapan. Jumlah keseluruhan perkataan yang diuji adalah 54 kata beserta 108 pilihan jawapan. Kesemua item yang diuji ditentukan menerusi kaedah persampelan rawak mudah daripada senarai kata *al-Mufradāt al-Shā'it fi al-Lughat al-'Arabiyyat* oleh 'Abduh (1979) yang berjumlah 3025 patah perkataan.

4. Sorotan Literatur

Saiz kosa kata merupakan jumlah atau kuantiti kata yang dikuasai oleh seseorang individu dalam sesuatu bahasa (Zaini, 2015). Saiz kosa kata merujuk aspek kuantiti dan merujuk kepada berapa banyak patah perkataan yang diketahui oleh seseorang (Harun & Zawawi, 2014). Secara istilahnya, saiz kosa kata merujuk kepada bilangan perkataan yang diketahui oleh pelajar pada satu tahap kecekapan bahasa yang tertentu (Nation, 2001).

Saiz kosa kata mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan penguasaan bahasa. Di dalam masyarakat kita, seseorang individu yang memiliki saiz kosa kata yang luas kebiasaannya dianggap mempunyai tahap keintektualan yang tinggi dan sering dikaitkan dengan luas pengetahuan serta sikap rajin membaca (Zaini, 2015). Memiliki semua kosa kata yang terdapat di dalam sesebuah bahasa adalah suatu matlamat yang terbaik, namun realitinya, ia mungkin suatu tuntutan yang terlalu ideal. Kenyataan ini mungkin agak keterlaluan kerana penutur jati sekalipun tidak berkemampuan untuk menguasai keseluruhan khazanah kosa kata dalam bahasa ibundanya (Goulden, Nation & Read, 1990). Perbincangan ini membawa perbincangan kepada beberapa persoalan. Berapakah jumlah sebenar kosa kata sesebuah bahasa, berapakah saiz kosa kata yang dimiliki oleh penutur asli dan berapakah pula saiz kosa kata yang perlu dikuasai oleh pelajar bagi tujuan pembelajaran bahasa keduanya?

4.1 Saiz Kata Bagi Penutur Bukan Jati

Penutur jati dianggarkan memiliki antara 12,000 hingga 20,000 perkataan secara purata (Goulden, Nation & Read, 1990; Maher Syaaban, 2011; McCarten, 2007). Bagi penuntut bahasa kedua dan asing, jumlah ini dianggap besar dan kajian berasaskan frekuensi memberikan petunjuk yang jelas bahawa hanya sebahagian perkataan sahaja mempunyai nilai penggunaan yang tinggi berbanding perkataan-perkataan yang lain (McCarthy, 1992; McKeown & Beck, 2004; Nation, 2001) seperti dijelaskan Nation (2001: 9) "... *studies of native speakers' vocabulary growth see all words as being of equal value to the learner. Frequency based studies show very strikingly that this is not so, and that some words are much more useful than other.*"

Penguasaan 2000 perkataan berfrekuensi tinggi adalah realistik dan ia merupakan pendapat yang dipersetujui oleh ramai pengkaji. Jumlah ini adalah had yang perlu dilepasi oleh pelajar bagi melayakkan diri untuk mengikuti pengajian di peringkat tinggi (Meara, 1996; Nation, 2001; Nation & Kyongho, 1995; Schmitt, 2000). Dengan penguasaan ini, pelajar dianggarkan mampu memahami lapan perkataan bagi setiap sepuluh perkataan yang ditemui dalam sesuatu interaksi bahasa secara purata.

4.2 Pengukuran Saiz Kata Penutur Bukan Jati

Pelajar atau penuntut yang terdiri dari penutur bukan jati perlu disaran untuk menguasai sebanyak mungkin perkataan. Beberapa jam perlu diperuntukkan setiap hari untuk pembelajaran kata, khususnya di peringkat awal pembelajaran bahasa kedua atau asing. Malah peruntukkan masa sebanyak 15 minit sehari dikatakan memadai untuk membina asas linguisitik yang kukuh bagi penguasaan bahasa pada masa hadapan (“5 Tips for Improving Student Vocabulary”, 2017). Pelajar atau penutur bukan jati mempunyai keperluan menguasai sejumlah perkataan yang relevan. Mereka juga perlu mempunyai kemahiran memanipulasi perkataan tersebut bagi menyokong keperluan bahasa mereka. Jumlah kata yang dikuasai ini memainkan peranan penting dalam penguasaan Bahasa (Meara, 2001; Nation, 2001; Taemah, 2005).

Ujian merupakan satu mekanisme yang sering digunakan bagi mendapatkan maklumat dan menilai penguasaan bahasa pelajar. Namun, sebelum ujian dijalankan, matlamat utama mengapa ia ditadbir perlu menjadi satu pertimbangan (Read, 2000). Ujian khusus terhadap aspek kata sangat bermanfaat untuk guru dan pelajar. Dari perspektif pelajar, ujian ini mampu menjelaskan matlamat pembelajarannya serta memberikan isyarat kepada mereka bahawa tumpuan perlu diberikan kepada aspek ini secara eksplisit. Bagi guru, keputusan ujian membantu mereka mengenalpasti penguasaan pelajar dalam pembelajaran semasa (Ivana Pavlu, 2009). Ujian kata ditadbir dengan pelbagai matlamat. Ia boleh dilaksanakan dengan tujuan menilai kefahaman asas pelajar terhadap kata samada dalam bentuk bertulis mahupun pertuturan, makna, perkataan aktif, perkataan pasif, kolokasi, derivasi dan sebagainya (Ivana, 2009). Jenis ujian kata perlu dipelbagaikan bagi mendapatkan dimensi yang menyeluruh dalam aspek penguasaan kata.

Ujian penentuan saiz kata sangat relevan dengan diagnostik. Ujian kata boleh digunakan untuk tujuan mengenal pasti tahap kecekapan dan penguasaan bahasa seseorang. Apatah lagi saiz kosa kata telah dibuktikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kecekapan bahasa (Zaini, 2015). Ujian ini boleh dilakukan pada permulaan sesuatu tahap pembelajaran atau di akhir sesuatu sesi pengajian (Thornbury, 2002). Ujian yang menguji kata dan kenyataan berkaitan maknanya dalam bentuk aneka pilihan boleh dijadikan sandaran bagi penentuan saiz kata (Nakatake, 2011).

5. Dapatan Kajian

Umumnya, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa saiz kosa kata pelajar secara purata melepasi tahap minimum penguasaan yang disyorkan oleh beberapa pengkaji iaitu 2000 perkataan. Namun, penelitian terhadap aspek saiz menunjukkan hanya beberapa individu sahaja yang memiliki saiz kata yang ditentukan.

5.1 Saiz Kosa Kata Pelajar Tahun Akhir

Dapatan yang diperolehi menjelaskan bahawa secara purata, setiap pelajar menguasai 806 perkataan daripada kelompok 1000 kata pertama, dan 729 perkataan daripada kelompok 1000 kata kedua, dan 697 kata daripada kelompok 1000 kata ketiga. Data menunjukkan penurunan saiz kata yang konsisten dengan peningkatan tahap kata. Data ini juga menjelaskan bahawa purata perkataan yang dikuasai oleh pelajar secara keseluruhannya adalah 2223 kata.

Bagi menentukan saiz kosa kata pelajar, skor kriteria ditentukan terlebih dahulu. Skor kriteria yang dicadangkan oleh Read (2001) adalah 16 dan ke atas. Dengan penentuan skor kriteria ini, responden yang memperoleh skor 16 dan ke atas daripada 18 item yang diuji bagi setiap tahap dianggap telah menguasai tahap tersebut sekaligus memiliki 1000 perkataan yang terkandung di dalamnya. Read (2001) mencadangkan penggunaan analisis skalogram Guttman seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Saiz Kata Responden Berpandukan Skala Implikasi Sempurna (Perfect Implicational Scale)

No	ID Responden	Tahap Kosa Kata			Saiz Kata Dikuasai
		1K	2K	3K	
1	02	17 (+)	16 (+)	17 (+)	3k
2	23	17 (+)	16 (+)	18 (+)	3k
3	26	16 (+)	17 (+)	18 (+)	3k
4	17	17 (+)	16 (+)	15	2k
5	24	16 (+)	16 (+)	15	2k
6	08	17 (+)	15	16 (+)	2k
7	30	17 (+)	17	17 (+)	2k
8	03	15	16 (+)	16 (+)	2k
9	01	18 (+)	14	15	1k
10	07	18 (+)	15	12	1k
11	18	16 (+)	13	12	1k
11	21	17(+)	15	15	1k
12	25	16 (+)	15	15	1k
13	28	18 (+)	15	15	1k
14	29	18 (+)	15	14	1k

Data ini diperolehi dengan menyusun semula responden kajian berdasarkan keputusan tertinggi yang dicapai dalam tahap 1000 kata dan seterusnya. Kriteria penguasaan kemudiannya ditentukan pada skor 16 dan ke atas menggunakan simbol (+). Dengan kata lain, pelajar yang mendapat skor 16 dan ke atas dianggap telah menguasai tahap tersebut. Skala ini juga menjelaskan bahawa pelajar tidak akan melepasi tahap kata berfrekuensi rendah (3k) tanpa melepasi tahap kata berfrekuensi tinggi (1k) terlebih dahulu. Ia juga boleh juga disimpulkan bahawa skor pelajar adalah lebih tinggi pada tahap kata yang berfrekuensi tinggi (1k) berbanding tahap kata yang berfrekuensi lebih rendah (3k) dan taburan ini dianggap sebagai menepati skala implikasi yang sempurna (*implicational scale*). Namun, realitinya taburan sempurna ini tidak mungkin diperolehi setiap masa. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 3 orang pelajar yang memiliki skor yang tidak berpadanan dengan skala implikasi yang sempurna, namun ia tidak mengganggu dapatan secara keseluruhannya kerana perbezaan antara dua tahap adalah terlalu kecil (Pringprom & Obchuae, 2011).

Berdasarkan data di atas, dapat dijelaskan bahawa tiga orang pelajar telah menguasai saiz kata 3k yang memberikan isyarat bahawa 3000 perkataan telah dikuasai. Jumlah ini mewakili 10% daripada keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian. Manakala lima orang pelajar yang mewakili 16% daripada keseluruhan responden telah mencapai saiz kata 2k atau menguasai 2000 perkataan yang terkandung dalam dua saiz yang terpenting. Manakala 74% responden yang selebihnya hanya menguasai 1000 kata dan ke bawah.

5.2 Latarbelakang Pendidikan dan Saiz Kosa Kata Pelajar

Latar belakang pendidikan dan tempoh pembelajaran merupakan dua faktor penting yang dilaporkan mempengaruhi penguasaan bahasa seseorang (Fox & Birren, 1949; Nemati, 2011). Latar belakang sekolah merupakan faktor yang dikatakan mempengaruhi penguasaan kata pelajar (Biemiller, 2012). Kedua-dua faktor ini mempunyai hubungan langsung dengan penguasaan kata pelajar.

Penelitian terhadap responden yang memperoleh skor yang tertinggi memberikan isyarat jelas bahawa faktor disebutkan ini mampu memperkasa penguasaan kata mereka. Jadual dibawah menunjukkan hubungan latarbelakang pendidikan responden:

Jadual 2: Latar Belakang Pendidikan Responden yang Memperoleh Skor Tertinggi

No	ID Responden	Tahap Kos Kata			Saiz Kata Dikuasai	Jenis Sekolah	Pengalaman lain
		1K	2K	3K			
1	02	17 (+)	16 (+)	17 (+)	3k	Lain-lain	Berada di negara Arab
2	23	17 (+)	16 (+)	18 (+)	3k	SMKA	Matrikulasi
3	26	16 (+)	17 (+)	18 (+)	3k	Swasta	Diploma
4	17	17 (+)	16 (+)	15	2k	Lain-lain	-
5	24	16 (+)	16 (+)	15	2k	SABK	STAM
6	08	17 (+)	15	16 (+)	2k	SMAN	STAM
7	30	17 (+)	17	17 (+)	2k	SMK	Diploma
8	03	15	16 (+)	16 (+)	2k	SABK	STAM

Data dalam jadual di atas mengukuhkan pendapat bahawa latar belakang pendidikan dan tempoh pembelajaran memainkan peranan penting dalam pengembangan kata pelajar. Walaupun data ini tidak dapat membuktikan jenis sekolah mana yang mempunyai hubungan dengan saiz kos kata pelajar, namun dapatan tetap menunjukkan bahawa faktor tempoh memainkan peranan. Pemilihan sekolah merupakan elemen penting namun ia perlu disokong oleh pembelajaran di peringkat pra universiti.

Jenis sekolah yang diduduki responden di peringkat menengah khususnya, memberi kesan kepada tempoh pembelajaran bahasa Arab dan meningkatkan jumlah jam bersemuka dengan matapelajaran berkaitan bahasa Arab. Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sebagai contoh, mempunyai beberapa matapelajaran agama yang medium pengajarannya adalah bahasa Arab. Pembelajaran di sekolah-sekolah ini sudah pasti memberikan pendedahan yang lebih besar kepada pelajar walaupun tidak secara optimum.

Satu dapatan unik yang diperolehi dalam kajian ini adalah faktor keberadaan di negara Arab mungkin merupakan faktor yang kuat dalam pengembangan kos kata seseorang penuntut mahupun pelajar. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa responden ID02 didapati mengatasi responden lain dari segi saiz kata mahupun jumlahnya. Hasil temubual ringkas dengan responden terbabit yang dijalankan menunjukkan beliau mempunyai pengalaman belajar dan berada di negara Arab dalam sesuatu tempoh tertentu. Pengalaman ini memberikan kelebihan kepada responden di samping menambah keyakinan beliau berhadapan dengan rakan-rakan lain yang tiada pengalaman seumpamanya. Faktor ini dilihat sangat positif dan disaran untuk diberikan tumpuan secara mendalam dalam kajian-kajian akan datang.

6. Perbincangan

Dapatan kajian yang diperolehi mengesahkan senario yang dilapor oleh kebanyakan kajian terdahulu. Kekurangan kos kata yang menjadi salah satu punca kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab sangat perlu diberikan perhatian sewajarnya (Abdul Rahman, 2009; Ahmad Fikri, 1995; Dahab, 1999; Hawatemeh, 1999; Ismail, 1999; Hamzah, 1997; Rusniza, 1998; Sohair, 1990; Tamuri et. al, 2010; Tarmizi, 1997; Wan Mohd Abrisam, 2002).

Data statistik yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah kos kata bahasa Arab bagi pelajar-pelajar Melayu secara purata berada dalam lingkungan 2223 patah perkataan. Jumlah ini dikatakan melepasi paras minimum berdasarkan ketetapan yang digariskan oleh beberapa kajian (Carter, 1998; Meara, 2001; Nation, 2001; Read, 2000; Schmitt, 2000). Namun penelitian yang dibuat secara individu, hanya lapan orang pelajar yang mencapai tahap tersebut. Jumlah ini mewakili 26 % daripada jumlah keseluruhan pelajar. Majoriti pelajar tidak mencapai tahap tersebut dan dijangka kurang berkemampuan untuk mencapai had kecekapan umum bahasa (Meara, 2001; Nation, 2001) khususnya dalam aspek pertuturan.

Saiz kos kata pelajar mempunyai hubungan langsung dengan kecekapan pertuturannya. Saiz kata pelajar berkorelasi secara signifikan dengan kecekapan lisan pelajar dan aras positif menunjukkan apabila saiz kata pelajar meningkat kecekapan lisan mereka juga bakal meningkat. Dapatan ini mengukuhkan dapatan-dapatan kajian terdahulu. Saiz kata pelajar berkorelasi dengan pencapaian akademik dan kemahiran-kemahiran asas bahasa yang lain (Laufer, 1996, 1998; Llach & Gallego, 2009; Meara, 1996; Nation, 2001; Read, 2000;

Staehr, 2009). Perkara ini memberikan isyarat yang cukup jelas bahawa penguasaan kemahiran berbahasa menuntut pemilikan sejumlah SKK yang besar, mencukupi dan relevan.

Secara keseluruhannya, pelajar yang mempunyai saiz kosa kata yang besar dan menguasai ke semua tahap yang diuji memiliki tahap kecekapan lisan yang sangat baik sebagaimana ditunjukkan pada Jadual 3. Pemilihan dan penggunaan kata dilakukan dengan sempurna dan sesuai dengan situasi lisan yang dilalui. Rata-rata perkataan yang digunakan adalah dalam lingkungan kata tahap-tahap yang diuji dan digarap dengan begitu baik dalam konteks penggunaannya.

Jadual 3: Peratusan Kefahaman Terhadap Teks Berasaskan Saiz Kata

Tahap	Komunikasi	Fiksyen	Akhbar	Teks Akademik
1K (1000 kata berfrekuensi pertaman)	84.3%	82.3%	75.6%	73.5%
2K (1000 kata berfrekuensi kedua)	6 %	5.1 %	4.7 %	4.6 %
Kosa kata Akademik	1.9 %	1.7 %	3.9 %	8.5 %
Lain-lain	7.8 %	10.9 %	15.7%	13.3%

Pelajar yang mempunyai saiz kosa kata yang tinggi juga mempunyai keupayaan untuk memahami setiap perkataan yang didengarinya. Semakin tinggi saiz kata yang dimiliki, maka semakin besar liputan kefahamannya terhadap perkataan dan ungkapan yang didengar, seterusnya memberikan refleksi yang baik dalam komunikasi. Penguasaan sekurang-kurangnya pada tahap 2k (kata berfrekuensi tinggi) akan membekalkan 84.3 % liputan kefahaman terhadap teks berbentuk lisan dan ia menjamin interaksi bahasa yang baik (Nation, 2001).

7. Kesimpulan

Dapatan ini memberikan isyarat bahawa saiz kosa kata pelajar mempunyai keperluan untuk dibangunkan khususnya sebelum graduasi. Pembangunan saiz kosa kata pelajar dilihat meningkatkan keyakinan sekali gus membangunkan kecekapan berbahasa mereka. Faktor linguistik dan psikologi yang mengiringi penguasaan saiz kosa kata dilihat mampu dimanfaatkan dalam proses seterusnya iaitu perluasan kosa kata. Saiz kosa kata bukanlah penentu mutlak bagi penguasaan kecekapan bertutur. Namun, saiz kosa kata dan keupayaan menggunakan kata sebenarnya menjadi intipati dalam penguasaan bahasa. Dalam konteks kemahiran bertutur, pelajar mempunyai keutamaan membangunkan saiz kosa kata dan ia perlu disertai dengan keupayaan menggunakannya dengan baik dalam situasi-situasi komunikasi. Bagi tujuan pembangunan saiz kosa kata, pelajar disarankan untuk memperoleh sebesar mungkin perkataan dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu aspek kecukupan, tahap kerelevanan kata dan keupayaan mengguna kata yang dikuasai. Sebelum bergraduasi, pelajar amat disarankan untuk memiliki sebanyak mungkin perkataan, khususnya yang terdiri daripada kosa kata yang berfrekuensi tinggi.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019. No Geran: KUIS/2019/GPIK-03/GPI/01, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk *Pembinaan Senarai Kata Bahasa Arab Berasaskan Frekuensi*.

Rujukan

- Awang N. A, Che Hat, N., & Mohamad Rouyan, N. (2014). Analisa kelemahan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar UniSZA. *Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA, Malaysia. Retrieved from <https://eprints.unisza.edu.my/482/>.
- Baalbaki, R. M. (1990). *Dictionary of linguistic terms: English-Arabic with sixteen Arabic glossaries*. Beirut: Dār el-Ilm Lilmalāyin.
- Baharom, N., et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carter, R. (1998). *Vocabulary applied linguistic perspectives*. New York, NY: Routledge.
- Chatham, R. L. (2004). *The oral proficiency interview. The Defense Language Institute*. Dipetik dari <http://www.icao.int/icao/en/anb/meetings/IALS/proceedings/PAPERS/9-Chatham.pdf>.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- Che Mat, A. & Soon, G. Y. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 2(2), 9-20. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ajtlhe/article/view/10494>.
- Daud N. & Abdul Pisal. N. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1). Dipetik dari <http://journalarticle.ukm.my/7003/1/3374-13531-1-PB.pdf>.
- Deraman, S. (2006). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer: persepsi guru-guru bahasa Arab di daerah Hulu Langat*. (Unpublished Master Thesis), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Goulden, R., Nation, P., & Read, J. (1990). How large can a receptive vocabulary be?. *Applied linguistics*, 11(4), 341-363. <https://doi.org/10.1093/applin/11.4.341>.
- Harun, B. & Zawawi, I. (2014). Aspek saiz dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Majlis Ugama Islam Sabah.
- Hawatemeh, A. H. R. (1999). *Factors influencing the effectiveness of teaching Arabic as foreign language at the federal government Islamic higher secondary schools in the State of Selangor, Malaysia*. (Unpublished Doctoral dissertation), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Ismail, A, Che Mat, A. & Pa, M. T. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 325-337. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/36>.
- Ivana, P. (2009). *Testing Vocabulary*. Czech Republic: Masaryk University Brno.
- Karim N. S., Mohd Onn, F., Musa H., & Mahmood A. H (1996). *Tatabahasa Dewan: Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laufer, B. (1996). The lexical threshold of second language reading comprehension: what it is and how it relates to 11 reading ability. In Sajavaara, K. & Fairweather, C. (Eds.). *Approaches to second language acquisition*, (pp.55-62). Finland: University of Jyväskylä.
- Laufer, B. (1998). The development of passive and active vocabulary in a second language: Same or different?. *Applied linguistics*, 19(2), 255-271. <https://doi.org/10.1093/applin/19.2.255>.
- Llach, M., & Gallego, M. (2009). Examining the Relationship between Receptive Vocabulary Size and Written Skills of Primary School Learners. *Atlantis*, 31(1), 129-147. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41055350>.
- Māhir Sha'bān, A. B. (2011). *Ta'lim al-mufradāt al-lughawiyya*, Amman, Jordan: Dār al-Masīrah.
- McCarthy, M. (1992). *Vocabulary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- McKeown, M. G., & Beck, I. L. (2004). Direct and rich vocabulary instruction. In J. F. Baumann and E. J. Kame'enui (Eds.), *Vocabulary instruction*, 13-27. New York, NY: Guilford Press.
- Meara, P. M. (1996). The dimensions of lexical competence. In G. Brown, K. Malmkjaer & J. Williams (Eds.) *Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Meara, P. M. (2001). *The importance of an early emphasis on l2 vocabulary*. Retrieved from <http://www.jalt-publications.org/tlt/files/95/feb/meara.htm>.
- Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2012). Permasalahan pengajaran nahu bahasa Arab kepada pelajar sarjana muda sains serta pendidikan (Pengajian Islam) UTM. *Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges*. Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Nakatake, M. (2011). *The relationship between vocabulary size and the knowledge of lexical choice of Japanese learners of English*. Retrieved from <http://repository.dl.itc.u-tokyo.ac.jp/dspace/bitstream/2261/52652/1/lis00909.pdf>.
- Nasirat, S. M. (2006). *Ṭuruq tadrīs al-'Arabiyyah*. Amman, Jordan: Dār al-Shurūq.
- Nathesan. S. (2011). *Leksikon: kosa kata bahasa*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Nation, I. S. P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. United Kingdom, UK: Cambridge University Press.
- Nation, I. S. P. (1983). Testing and teaching vocabulary. *Guidelines*, 5(1): 12-25. Retrieved from <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1980>.
- Nation, I. S. P. (1990). *Teaching and learning vocabulary*. New York, NY: Newbury House.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- Nation, P., & Kyongho, H. (1995). Where would general service vocabulary stop and special purposes vocabulary begin?. *System*, 23(1), 35-41. [https://doi.org/10.1016/0346-251X\(94\)00050-G](https://doi.org/10.1016/0346-251X(94)00050-G).
- Norul 'Azmi, N. A. (2017). Analisis perbandingan terjemahan kata partikel Arab Melayu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 68-80. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/19>.
- Old, S. R. (2009). *The keyword method applied to root-learning of vocabulary*. Retrieved from <http://clearing.missouriwestern.edu/manuscripts/282.php>.
- Pringprom, P., & Obchuae, B. (2011, March). Relationship between vocabulary size and reading comprehension. In *Proceeding of the 2nd International Conference on Foreign Language Learning and Teaching*. Bangkok, Thailand.
- Read, J. (2000). *Assesing vocabulary*. Alderson, J. C. & Bachman, L. F (Eds.). United Kingdom, UK: Cambridge University Press.
- Samah, R. (2013). *Kaedah pengajaran kosa kata bahasa Arab untuk pelajar bukan Arab*. Nilai, Penerbit USIM.
- Schmitt, N. (2000). *Vocabulary in language teaching*. United States of America, USA: Cambridge University Press.
- Stæhr, L. S. (2009). Vocabulary knowledge and advanced listening comprehension in English as a foreign language. *Studies in second language acquisition*, 31(4), 577-607. Retrieved from <https://www.jstor.org/stable/44485886>
- Sutarsyah, C., Nation, I. S. P. & Kennedy, G. (1994). How useful is eap vocabulary for esp? a corpus based case study. *RELC Journal*, 25(2), 34-50. <https://doi.org/10.1177/003368829402500203>.
- Ṭa'amah, R. (2005). *al-Kitāb al-jāmi'iy, mawqī'uh wa ma'āyiruh wa mushkilātuh*. Kaherah, Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabiy.
- Tamuri, A. H., Mohd Rahimi, N., Mohd Aderi, Z., Zulkifli, K. & Khufafah, A. (2010). *Kajian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thornbury, S. (2002). *How to teach vocabulary*. England, UK: Longman.
- 5 Tips for Improving Student Vocabulary. (2017). Retrieved June 17, 2021, from <https://dominicancaonline.com/innovative-classroom-strategies/5-tips-improving-student-vocabulary/>.
- Zaini, A. R. (2015). *Penguasaan kosa ata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di peringkat Kolej Universiti*. (Unpublished Doctoral dissertation). Universiti Malaya, Malaysia.